

08 AUG 1997

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat yang bermula 3.30 petang itu adalah yang pertama dipengerusikannya sejak beliau pulang daripada bercuti selama dua bulan pada 22 Julai lepas.

Semasa ketiadaannya, mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Antara perkara yang dijangka dibincangkan hari ini ialah persiapan untuk pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Semarak.--BERNAMA  
MHI ARA MAI